

KURSUS MYCOST MODUL – PTJ BASED COSTING (PBC)

KANDUNGAN

1.0 Pengenalan

2.0 Peraturan / Arahan Berkuat kuasa

3.0 Elemen Pengekosan

1.0 PENGENALAN PERAKAUNAN PENGURUSAN



Satu mekanisme berstruktur yang mengenal pasti, mengukur, mengumpul, menganalisis, mentafsir dan menyampaikan maklumat kewangan dan bukan kewangan yang komprehensif kepada pembuat keputusan dinamakan sebagai **PERAKAUNAN PENGURUSAN**.

Perakaunan Pengurusan (juga dikenali sebagai SMART)

EMPAT ELEMEN TERAS DALAM SMART



Analisis Maklumat Kewangan dan Penilaian Risiko

- Kedudukan dan prestasi kewangan secara makro
- Pengenalpastian risiko



Analisis Sumber

- Kecekapan Penggunaan Sumber
- Penilaian Projek – *Social Cost and Benefit Analysis*



Pengukuran Prestasi

- Prestasi Kementerian kecekapan & keberkesanan
- Penyelarasan dan penetapan prestasi Kementerian melalui *Balanced Score-Card*



Pengekosan

- Jumlah kos bagi *output*
- Jumlah kos bagi *outcome* (keberhasilan)
- Analisis kos secara mikro

KEPENTINGAN PERAKAUNAN PENGURUSAN

TRANSFORMASI SEKTOR AWAM

Disiplin fiskal dan Pembaharuan

Mengukuhkan penggubalan dasar nasional dalam tadbir urus ekonomi

Meningkatkan kualiti sumber manusia dalam perkhidmatan awam

Pembaharuan Birokrasi

Mengguna pakai Perakaunan Akruan

Pengurusan nilai dalam perancangan perbelanjaan bagi “nilai untuk wang”

Mengukuhkan kawalan perbelanjaan

Mempertingkatkan institusi-institusi dasar fiskal dan proses

Sistem cukai yang cekap dan telus

Lanjutan dasar perolehan telus dan prosedur utk mendapatkan harga lebih baik

Risiko dan Ketidaktetuan

Meningkatkan **ketelusan & akauntabiliti** dalam mengurus sumber sektor awam

Meningkatkan **kecekapan & keberkesanan** dlm pengurusan kewangan kerajaan


Memperkasakan sistem **pengurusan fiskal berhemat**

2.0 PERATURAN / ARAHAN YANG BERKUATKUASA

PEKELILING PERBENDAHARAAN
PS 1.3 PELAKSANAAN
PERAKAUNAN PENGURUSAN
DAN SURAT EDARAN ANM

(di keluarkan pada Februari 2021)

PERATURAN DAN ARAHAN BERKUAT KUASA





DOKUMEN : PP & SURAT EDARAN MENGENAI PERAKAUNAN PENGURUSAN

PEKELILING PERBENDAHARAAN

PS 1.3



KERAJAAN MALAYSIA

PELAKSANAAN PERAKAUNAN PENGURUSAN

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

SURAT EDARAN JANM



AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Accountant General's Department Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 1002
Faks : 603-8889 5821
Laman Web : www.anm.gov.my
E-mel : akauntan.negara@anm.gov.my

Ruj.Kami: JANM.BAMOF.100-6/1/56 Jld.9 (1S)
Tarikh : 23 Februari 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan / Puan,

PELAKSANAAN PERAKAUNAN PENGURUSAN DI KERAJAAN PERSEKUTUAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Akauntan Negara Malaysia (ANM) bertarikh 20 Januari 2020 (Ruj.: JANM.BAMOF.100-6/1/56 Jld.6 (1)) adalah berkaitan.

2. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PS 1.3 mengenai Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan yang turut dikenali sebagai *Strategic Management Accounting and Reporting* (SMART), Pegawai Pengawal bertanggungjawab memantau status pelaksanaan dan Laporan SMART disedia, dibentang serta dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam tempoh yang ditetapkan. Proses pelaksanaan di setiap peringkat Kementerian hendaklah dipantau rapi oleh Bahagian Akaun (BA) Kementerian masing-masing. Sehubungan itu, surat ini bertujuan untuk memperincikan tatacara pelaksanaan SMART agar data berkaitan dapat dianalisis dengan tepat, relevan dan memenuhi keperluan.

3. Berdasarkan perkembangan terkini pelaksanaan perakaunan akruan, status penambahbaikan sistem aplikasi serta tempoh masa yang diperlukan bagi aktiviti pengumpulan data perakaunan pengurusan, Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Pengurusan memutuskan agar tempoh peralihan yang ditetapkan dalam surat ANM bertarikh 20 Januari 2020 dilanjutkan sehingga **31 Disember 2022**. Manakala pelaksanaan sepenuhnya dijangka akan bermula pada **1 Januari 2023**. Selaras dengan perubahan ini, Kementerian dikehendaki meneruskan pelaksanaan elemen SMART secara berperingkat mengikut tempoh yang dinyatakan di **Lampiran 1**. Namun, Kementerian boleh melaksanakan mana-mana elemen lebih awal dari tempoh yang ditetapkan sekiranya analisis tersebut mempunyai impak ketara dan berupaya membantu proses pembuatan keputusan.

4. Tatacara pelaksanaan keempat-empat elemen SMART seperti di **Lampiran A, B, C dan D** adalah sebagai rujukan untuk membantu Kementerian melaksanakan proses analisis. Dalam tempoh peralihan, JANM akan menyemak kandungan dokumen tersebut dari semasa ke semasa dan mengedarkannya dalam format Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) mengikut elemen secara berperingkat. Bagi pelaksanaan

Tanggungjawab Pegawai Pengawal

300E. Pegawai Pengawal bertanggungjawab terhadap pengurusan, penyelenggaraan dan penggunaan maklumat kewangan dan bukan kewangan di bawah jagaannya. Perakaunan pengurusan hendaklah diuruskan dengan teratur iaitu dengan memastikan pelaksanaan perkara yang berikut:

- (a) penyediaan laporan perakaunan pengurusan yang lengkap selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
- (b) menandatangani dan mengemukakan laporan perakaunan pengurusan yang lengkap kepada Jabatan Akauntan Negara dalam tempoh yang ditetapkan.

Tanggungjawab Pegawai Perakaunan

300F. Pegawai Perakaunan bertanggungjawab bagi perkara yang berikut:

- (a) menganalisis dan menyediakan laporan perakaunan pengurusan;
- (b) menggabungkan data kewangan dan bukan kewangan untuk ditafsirkan dan diterjemah kepada naratif yang bermakna; dan
- (c) memberi khidmat nasihat maklumat kewangan dan bukan kewangan yang memberi kesan kepada kedudukan kewangan dan prestasi perkhidmatan Kementerian/Jabatan secara menyeluruh.

Pengawasan Terhadap Analisis Dan Laporan Perakaunan Pengurusan

300G. Akauntan Negara bertanggungjawab menentukan pengawasan dan kawalan atas maklumat dan laporan perakaunan pengurusan. Ketua Akauntan Kementerian yang bertanggungjawab kepada laporan tersebut di peringkat Kementerian/Jabatannya hendaklah memastikan ia dikemukakan mengikut format dan kekerapan yang ditetapkan oleh peraturan yang berkuat kuasa.

Arahan
Perbendaharaan
300E/F/G

Pekeliling
Perbendaharaan PS
1.3
Pelaksanaan
Perakaunan
Pengurusan

Tugas Pegawai Pengawal

- Menetapkan pelaksanaan SMART sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian.
- Memantau dan membentangkan status pelaksanaan SMART dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian.
- Menyediakan Laporan SMART yang menyeluruh dan disatukan, berdasarkan format yang ditetapkan oleh JANM serta dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA). Kementerian juga hendaklah memastikan laporan ini dikemukakan kepada JANM dalam tempoh yang ditetapkan.
- Melaksanakan pemantauan tahap kecekapan dan keberkesanan Program/Aktiviti Kementerian yang meliputi aspek pencapaian prestasi perkhidmatan, prestasi kewangan dan fizikal projek di bawah kitaran strategik OBB berdasarkan maklumat yang dinyatakan dalam Laporan SMART.
- Memastikan komitmen dan penglibatan semua pihak dalam memberi input yang relevan berkaitan fungsi utama Kementerian bagi penghasilan output yang memberi impak kepada Pemegang Taruh Kementerian

GPANM Bil. 5
Tahun 2021
Pelaksanaan
Perakaunan
Pengurusan:
Pengekosan

Tugas Pusat Tanggungjawab

- I. Menetapkan output dan kumpulannya di peringkat PTJ berdasarkan senarai output yang telah dimuktamadkan.
- II. Memastikan keseragaman penetapan output dan membandingkan pencapaian setiap output
- III. Menetapkan unit ukuran output yang bersesuaian.
- IV. Memastikan PTJ menyediakan Kamus Pengekosan bagi melaksanakan proses pengekosan.
- V. Mengunci masuk pencapaian sebenar KPI/PI (*Performance Indicator*) berdasarkan tempoh yang ditetapkan (Peranan Ketua Program/Aktiviti).
- VI. Membuat analisis ke atas Laporan Pengekosan secara menyeluruh dan mengenal pasti isu-isu matan yang memerlukan penambahbaikan oleh Pengurusan Atasan Kementerian.

3.0 ELEMEN PENGEKOSAN

DEFINISI PENGEKOSAN

- Proses pengelasan, perekodan, memperuntukan perbelanjaan kepada *output* dan *outcome* bagi menentukan kos akhir output.
- Kos akhir ini dapat membantu Kementerian dalam membuat keputusan secara efektif berkaitan kecekapan operasi, kecekapan kos, keberkesanan polisi dan operasi.
- Membantu pengurangan pembaziran dalam proses kerja yang akan menggalakkan penggunaan sumber kewangan secara optimum.



Mengenal pasti **kos** bagi setiap *Output* dan keberhasilan Program/Aktiviti /Projek;



Menilai **tahap kecekapan dan keberkesan pengurusan kos** dalam mencapai *Output* dan *Outcome* yang disasarkan;



Menyusun semula perbelanjaan berdasarkan keperluan sebenar dan kapasiti pelaksanaan bagi **mengoptimum sumber kewangan** dan mengelakkan **pembaziran** serta ketirisan;



Menilai tahap **keberkesanan** polisi yang dilaksanakan.

SUB MODUL PENGEKOSAN

- Menentukan keberkesan penghasilan **outcome**.
- Berdasarkan struktur **OBB** dan **perbelanjaan iGFMAS**.

Outcome Based Costing (OBC)

- Pengekosan **khusus** untuk **sesuatu aktiviti**.
- Disediakan secara *ad hoc* mengikut keperluan pihak berkepentingan.

Micro Costing (MC)

- Menentukan kecekapan penghasilan **output**.
- Berdasarkan maklumat **perbelanjaan iGFMAS**.

PTJ Based Costing (PBC)

Pengkosan **Outcome** di Kementerian/
Outcome Based Costing (OBC) - mengukur keberkesan aktiviti dan program Kementerian bagi mencapai outcome.

Pengekosan **Output** di PTJ / **PTJ Based Costing (PBC)** - mengukur kecekapan organisasi dalam menghasilkan output.

OUTPUT VS OUTCOME

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Output

- Perkhidmatan yang dihasilkan secara langsung dari Program / Aktiviti tertentu.
- Contoh :
 - Peratusan Penyelesaian Isu Perpaduan
 - Program Pengukuhan Hubungan Antara Kaum Agama
 - Bilangan Penggunaan Perkhidmatan Perpustakaan
 - Jumlah Kursus/Bengkel/Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod


Outcome

- Keberhasilan – kesan pelaksanaan suatu aktiviti serta perkhidmatan terhadap pelanggan.
- Contoh :
 - Tahap Perpaduan Dan Keharmonian Masyarakat Meningkat
 - Peningkatan Apresiasi Terhadap Bahan (Khazanah) Warisan Sejarah, Budaya Dan Alam Semula jadi Negara
 - Peningkatan Perkhidmatan Perpustakaan Dalam Kalangan Masyarakat Ke Arah Melahirkan Masyarakat Bermaklumat Dan Berilmu Pengetahuan Tinggi
 - Peningkatan Koboleh upayaan Rakyat Untuk Mendapatkan Maklumat Dan Fakta Kenegaraan Yang Tepat, Sahih Dan Berintegriti

SUB MODUL *OUTCOME BASED COSTING (OBC)*



- ❖ Pembangunan sub-modul OBC memberi fokus kepada pengukuran kos yang diperlukan dalam menilai pencapaian output dan sumbangannya kepada keberhasilan bagi setiap Aktiviti/ Program/ Kementerian.
 - ❖ Proses pengekosan berdasarkan hierarki Kerangka Outcome Based Budgeting (OBB) iaitu Program/Aktiviti Kementerian, Keberhasilan Nasional, Bidang Fokus dan Teras Strategik.
 - ❖ MyCOST berintegrasi dengan MyResults bagi mendapatkan maklumat Kerangka OBB yang disediakan oleh Kementerian/Jabatan.



SUB MODUL PTJ BASED COSTING (PBC)

Pembangunan sub-modul PBC memberi fokus kepada **pengekosan output** yang dihasilkan dan menggunakan **maklumat perbelanjaan** yang dijana daripada **iGFMAS** dalam proses PBC yang dilaksanakan.




- Kos yang terlibat secara langsung untuk menghasilkan output.
- Contoh: Emolumen (gaji dan elauan), elauan lebih masa dan bahan langsung.




- Semua kos yang terlibat secara tidak langsung untuk menghasilkan output.
- Contoh: Kos penyelenggaraan mesin, pentadbiran, susut nilai, hutang lapuk pelunasan, penjejasan nilai.



- Semua kos yang terlibat secara tidak langsung untuk semua aktiviti utama dan sokongan.
- Contoh: Kos sewa dan utiliti.








SUB MODUL MICRO COSTING (MC)



- ❖ Kaedah pengekosan bagi output yang disediakan mengikut keperluan (ad hoc) dan memenuhi kriteria berikut:
 - i. bersifat *one-off* seperti kajian perundingan, dan kajian analisis kos dan faedah; atau
 - ii. acara tahunan seperti Hari Sukan Negara dan Hari Sambutan Kemerdekaan; atau
 - iii. perolehan darurat seperti kejadian bencana alam.
- ❖ Sumber data pengiraan kos bagi proses MC adalah diperolehi dari iGFMAS dan sistem berkomputer lain yang berintegrasi dengan MyCost.

CARTA ALIR PBC

TANGGUNGJAWAB	CARTA ALIR	PROSES KERJA
PTJ		Pastikan Output/ Ukuran Output/ Kumpulan Output Telah Dikuncimasuk atau perlu dikemaskini
PTJ		Pastikan muat turun Data Ringkasan Perbelanjaan bulan semasa pengekosan
PTJ		Kemaskini Kod Komponen (jika perlu)
PTJ		Tentukan % agihan di kitaran 1 berdasarkan Overhead Cost (Isikan juga 0 walaupun tidak berkenaan)
PTJ		Teruskan kepada Kitaran 2. Pastikan kod pembayaran <= perbelanjaan. Lihat Data FI
PTJ		Kemaskini dan run maklumat dalam Kitaran 2. Pastikan hanya kos tetap yang berkaitan sahaja (Direct Cost dan Indirect Cost)
PTJ		Run maklumat Kitaran 3 setelah kunci masuk maklumat pencapaian bulan semasa
PTJ		Jana Laporan & buat analisa
PTJ		Kemuka kepada BA
		

GARIS MASA PENGHANTARAN PBC



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
MINISTRY OF NATIONAL UNITY
Aras 5-10, Blok F9, Kompleks F
Level 5-10, Block F9, Complex F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
62000 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telpon: 03-8091 8000
Faks: 03-8091 8239
Laman Web: www.perpaduan.gov.my

Ruj. Kami : KPN.BA.400-1/2/9 ()
Tarikh : 13 Oktober 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

PERINGATAN: PELAKSANAAN SUB-MODUL PTJ-BASED COSTING (PBC) DI PERINGKAT PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN) BAGI TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran SMART Bil.4/2022 rujukan JANM.BAMOF.100-6/1/56 Jilid14(14) bertarikh 14 Disember 2022 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana yang YBhg. Datuk/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, berdasarkan PS 1.3 (Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan) PTJ hendaklah melaksanakan pengekosan menggunakan sub-modul PTJ Based Costing (PBC) dalam sistem MyCost

3. Selaras dengan itu, Bahagian Akaun telah melaksanakan Bengkel Pemantapan MyCost bersama PTJ seluruh Malaysia mengikut Zon bagi tujuan semakan kemasan PTJ berserta latihan kunci masuk ke dalam sistem MyCost. Melalui bengkel tersebut, BA KPN mendapati semua PTJ telah mendapatkan capaian bagi sistem MyCost dan boleh menjalankan sistem MyCost secara bulanan.

4. Sehubungan itu, Bahagian Akaun (BA) KPN memohon kerjasama setiap PTJ untuk menjalankan pemprosesan bulanan bagi setiap bulan dan mengemukakan laporan PBC di pautan berikut mengikut garis masa yang dilampirkan di Lampiran A :-

Pautan Laporan : https://drive.google.com/drive/folders/1JOi7T2CnankNDQ_u9bmb7kgkwvzpTJf?usp=share_link

